

**PENGGUNAAN MODUL TRANSISI PENDIDIKAN ISLAM  
TAHUN SATU: KAJIAN KES DI SEBUAH SEKOLAH  
RENDAH DALAM DAERAH PENAMPANG**

**EKA NOORUL AZWANI BINTI DARWIN**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI  
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH  
SARJANA PENDIDIKAN  
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2013**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

**JUDUL : PENGGUNAAN MODUL TRANSISI PENDIDIKAN ISLAM TAHUN SATU:  
KAJIAN KES DI SEBUAH SEKOLAH RENDAH DALAM DAERAH PENAMPANG**

**IJAZAH : IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

**SAYA : EKA NOORUL AZWANI BINTI DARWIN**

**SESI PENGAJIAN : 2011/2013**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

**SULIT**


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat **TERHAD** yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

**TIDAK TERHAD**

Disahkan oleh



**(EKA NOORUL AZWANI BINTI DARWIN)**

**(DR. MUHAMAD SUHATMI BIN TAAT)**

Alamat Tetap : NO. 285, LORONG 2,  
TAMAN TELUK VILLA, PUTATAN  
88200 KOTA KINABALU, SABAH

Tarikh : 1 JULAI 2013

Tarikh : 1/7/2013

CATATAN : \* Potong yang tidak berkenaan.

\*\* Jika tesis ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**.

\*\*\* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGAKUAN**

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 JULAI 2013

EKA NOORUL AZWANI BINTI DARWIN

PT20207324C

## **PENGESAHAN**

NAMA : EKA NOORUL AZWANI BINTI DARWIN

NO. MATRIK : PT20107324C

TAJUK : PENGGUNAAN MODUL TRANSISI PENDIDIKAN ISLAM  
TAHUN SATU: KAJIAN KES DI SEBUAH SEKOLAH  
RENDAH DALAM DAERAH PENAMPANG

IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)

TARIKH : 1 JULAI 2013

**DISAHKAN OLEH:**

**PENYELIA**

**DR. MUHAMAD SUHAIMI TAAT**



## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, terima kasih Allah kerana telah memberi rahmat dan izin untuk menyiapkan kajian ini. Rasa syukur saya diraftakan berkat doa ibu bapa dan sokongan keluarga yang sentiasa ada di saat saya memerlukan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih buat pensyarah penyelia yang dihormati atas bantuan, bimbingan dan tunjuk ajar yang sangat berharga. Tidak dilupakan, kepada para pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah di atas keikhlasan dan kesungguhan mencerahkan ilmu yang bermakna. Semoga segala ilmu yang baik diberkati dan diberikan ganjaran yang selayaknya serta diberi kemuliaan berpanjangan oleh Allah.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah terlibat dalam memberikan kerjasama dan bantuan yang ikhlas bagi menyempurnakan kajian ini. Hanya Allah sahaja yang mampu membalaunya.

Akhir sekali, rakan-rakan yang turut sama berjuang dalam menuntut kesarjanaan pendidikan di sepanjang pengajian. Kenangan dan kemanisan ilmu yang dikongsi bersama tidak akan saya lupakan.

## **ABSTRAK**

Program Transisi dilaksanakan bertujuan membantu murid menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah dan rutin pembelajaran pada tahun pertama persekolahan. Perancangan aktiviti serta penggunaan bahan bantu mengajar yang bersesuaian penting pada peringkat ini kerana ia akan memberi kesan kepada personaliti, pembentukan tingkah laku malah prestasi pelajaran mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui secara mendalam penggunaan Modul Transisi Pendidikan Islam di sebuah sekolah rendah dalam daerah Penampang. Pendekatan "*mixed method*" iaitu gabungan kajian kualitatif dan kuantitatif telah digunakan berdasarkan reka bentuk Penerokaan Berturutan bagi memperolehi data yang diperlukan. Kajian kes dilaksanakan pada fasa pertama dengan membuat pemerhatian, temubual dan analisis dokumen berkaitan untuk mengetahui kaedah dan kesan penggunaan modul. Seorang guru telah dipilih sebagai peserta kajian ini bagi memperolehi penilaian terhadap kesesuaian dan ciri-ciri modul dari aspek reka bentuk dan isi kandungan. Hasil pemerhatian dan temubual telah dianalisis dan ditranskripsikan berdasarkan nota lapangan dan rakaman audio video mendapati bahawa penggunaan modul ini adalah sesuai serta membantu guru dan murid dalam tempoh pembelajaran transisi. Kesahan data dilakukan melalui kaedah triangulasi pelbagai sumber dan pengesahan peserta kajian. Bagi mengukuhkan lagi dapatkan mengenai penilaian guru terhadap ciri-ciri modul, maklum balas diperolehi daripada 101 responden yang telah dipilih melalui persampelan rawak mudah dilaksanakan dan ditadbir menggunakan borang soal selidik yang mempunyai nilai kebolehpercayaan Alfa Cronbach keseluruhan 0.942. Program perisian SPSS versi 21 digunakan untuk menganalisis data berdasarkan statistik deskriptif dan inferensi. Keputusan ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara reka bentuk ( $r=.903$ ,  $p<.01$ ) dan aspek isi kandungan ( $r=.930$ ,  $p<.01$ ) dengan kesesuaian penggunaan modul. Selaras dengan dapatkan itu, beberapa cadangan juga telah dikemukakan untuk penambahbaikan pembinaan modul.

## **ABSTRACT**

*Transition Program was implemented to help students adapt themselves into school environment and studying routines in the first year of schooling. Activity planning and the application of appropriate teaching aids are important at this stage because it will affect the personality, behavior and even the formation of their academic performance. The purpose of this study is to find out in detail the use of Modul Tansisi Pendidikan Islam in a primary school in Penampang district. The mixed method which is the combination of qualitative and quantitative research was used based on the Sequential Exploration design to obtain the necessary data. The case research was carried out in the first phase by making observations, interviews and analysis of relevant document to identify the method and the impact of module application. A teacher has been selected as participant of this research to obtain an assessment of the suitability and criteria in terms of module design and content. The observation and interview outcomes were analyzed and transcribe based on field notes and video recording. Apparently, the application of this module is suitable and it also helps teachers and students during transition learning process. Data's validity is done by triangulation and confirmation by participants of the research. For further confirmation, a survey has been conducted to obtain feedbacks from 101 respondents who were selected by simple random sampling by using questionnaire that contained Alpha Cronbach reliability index of 0.942. The SPSS Program version 21 was used to analyze data base on descriptive and inferential statistics. Pearson correlation test results showed a positive and significant relationship between design ( $r=.903, p<.01$ ) and content ( $r=.930, p<.01$ ) with the suitability the use of modules. Based on the outcomes, several suggestions have been made to improve the module construction.*

## KANDUNGAN

MUKA SURAT

|                           |      |
|---------------------------|------|
| <b>TAJUK</b>              | i    |
| <b>PENGAKUAN</b>          | ii   |
| <b>PENGESAHAN</b>         | iii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>        | iv   |
| <b>ABSTRAK</b>            | v    |
| <b>ABSTRACT</b>           | vi   |
| <b>KANDUNGAN</b>          | vii  |
| <b>SENARAI RAJAH</b>      | xii  |
| <b>SENARAI JADUAL</b>     | xiii |
| <b>SINGKATAN</b>          | xv   |
| <b>BAB 1: PENDAHULUAN</b> |      |
| 1.1 Pengenalan            | 1    |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 2    |
| 1.3 Pernyataan Masalah    | 3    |
| 1.4 Objektif Kajian       | 4    |
| 1.5 Soalan Kajian         | 5    |
| 1.6 Hipotesis Kajian      | 6    |
| 1.7 Limitasi Kajian       | 7    |
| 1.8 Kepentingan Kajian    | 8    |
| 1.9 Definisi Operasional  | 9    |
| 1.10 Kerangka Kajian      | 11   |
| 1.11 Kesimpulan           | 11   |

vii

## **BAB 2: TINJAUAN LITERATUR**

|       |  |    |
|-------|--|----|
| 2.1   | Pengenalan   | 12 |
| 2.2   | Definisi Konsep  | 12 |
| 2.2.1 | Modul sebagai Bahan Bantu Mengajar                                 | 12 |
| 2.2.2 | Pembinaan Modul  | 14 |
| 2.2.3 | Modul Transisi   | 16 |
| 2.2.4 | Program Transisi Tahun Satu  | 17 |
| 2.2.5 | Pengurusan Kurikulum   | 21 |
| 2.2.6 | Kurikulum Pendidikan Islam   | 22 |
| 2.2.7 | Program j-QAF  | 23 |
| 2.2.8 | Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR)                           | 24 |
| 2.3   | Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam                | 26 |
| 2.3.1 | Iqra' (Bacaan)   | 27 |
| 2.3.2 | <i>Al-Tiqrar</i> (Latih Tubi)                                      | 28 |
| 2.3.3 | Kaedah Interaksi   | 28 |
| 2.4   | Teori Kajian   | 29 |
| 2.4.1 | Teori Perkembangan Kognitif - Jean Piaget                          | 29 |
| 2.4.2 | Teori Perkembangan Sosio-Emosi – Erik Erikson                      | 31 |
| 2.4.3 | Teori Terjemahan Persepsi - Sekuler dan Blake (1994)               | 32 |
| 2.5   | Model Kajian   | 33 |
| 2.5.1 | Model Kajian Tindakan  | 33 |
| 2.5.2 | Model ADDIE  | 36 |
| 2.6   | Kajian Lepas   | 39 |
| 2.6.1 | Kajian terhadap Kaedah dan<br>Alat Bantu Mengajar Pendidikan Islam | 39 |
| 2.6.2 | Kajian terhadap Program Transisi                                   | 42 |
| 2.7   | Kesimpulan   | 46 |

## **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

|  |    |
|--|----|
| 3.1 Pengenalan                                   | 47 |
| 3.2 Reka Bentuk Kajian                           | 47 |
| 3.3 Lokasi Kajian                                | 50 |
| 3.4 Populasi dan Persampelan                     | 50 |
| 3.4.1 Persampelan Bertujuan                      | 51 |
| 3.4.2 Persampelan Rawak Mudah                    | 52 |
| 3.5 Instrumen Kajian dan Kaedah Pengumpulan Data | 53 |
| 3.5.1 Pemerhatian                                | 53 |
| 3.5.2 Temubual                                   | 53 |
| 3.5.3 Kajian Dokumen                             | 54 |
| 3.5.4 Soal Selidik                               | 55 |
| 3.6 Kajian Rintis, Kesahan Dan Kebolehpercayaan  | 58 |
| 3.7 Prosedur Kajian                              | 61 |
| 3.8 Analisis Data                                | 62 |
| 3.8.1 Data Pemerhatian, Temubual dan Dokumen     | 62 |
| 3.8.2 Data Soal selidik                          | 62 |
| 3.9 Kesimpulan                                   | 64 |

## **BAB 4: DAPATAN KAJIAN**

|   |    |
|---|----|
| 4.1 Pengenalan  | 65 |
| 4.2 Analisa Data Kualitatif   | 65 |
| 4.2.1 Kaedah Penggunaan MTPI dalam Pengajaran<br>dan Pembelajaran   | 66 |
| 4.2.2 Penggunaan MTPI dalam membantu proses<br>Pengajaran dan Pembelajaran                                      | 67 |
| 4.2.3 Kesesuaian Penggunaan MTPI dalam Program Transisi   | 69 |
| 4.2.4 Penilaian guru Pendidikan Islam Terhadap Ciri-ciri<br>Modul dari Aspek Reka bentuk dan Isi Kandungan MTPI | 71 |

|            |  |           |
|------------|--|-----------|
| <b>4.3</b> | <b>Analisa Data Kuantitatif</b>                            | <b>78</b> |
| 4.3.1      | Kenormalan Taburan Data                                    | 80        |
| 4.3.2      | Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Kajian                 | 81        |
| 4.3.3      | Pengukuran Peratus, Skor Min dan Sisihan Piawai            | 82        |
| 4.3.4      | Pengujian Hipotesis  | 90        |
| <b>4.4</b> | <b>Perkaitan Dapatan Kajian Kualitatif dan Kuantitatif</b> | <b>93</b> |
| <b>4.5</b> | <b>Kesimpulan</b>  | <b>93</b> |

## **BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

|            |  |            |
|------------|--|------------|
| <b>5.1</b> | <b>Pengenalan</b>  | <b>94</b>  |
| <b>5.2</b> | <b>Rumusan Kajian</b>  | <b>94</b>  |
| <b>5.3</b> | <b>Perbincangan Kajian</b>   | <b>98</b>  |
| 5.3.1      | Kaedah Penggunaan MTPI dalam Pengajaran dan pembelajaran   | 98         |
| 5.3.2      | Kesan Penggunaan MTPI dalam Pengajaran dan pembelajaran  | 100        |
| 5.3.3      | Kesesuaian Penggunaan MTPI semasa Program Transisi   | 101        |
| 5.3.4      | Hubungan Aspek Reka Bentuk dan Isi Kandungan dengan Kesesuaian Penggunaan MTPI semasa Program Transisi | 103        |
| <b>5.4</b> | <b>Implikasi Kajian</b>  | <b>106</b> |
| 5.4.1      | Implikasi terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam  | 106        |
| 5.4.2      | Implikasi terhadap Program Transisi Tahun Satu   | 107        |

|                    |                                 |            |
|--------------------|---------------------------------|------------|
| <b>5.5</b>         | <b>Cadangan Kajian</b>          | <b>108</b> |
| 5.5.1              | Pembina Modul                   | 108        |
| 5.5.2              | Guru Pendidikan Islam           | 110        |
| 5.5.3              | Pengurus Sekolah                | 111        |
| 5.5.4              | Pejabat Pelajaran Daerah        | 112        |
| <b>5.6</b>         | <b>Cadangan Kajian Lanjutan</b> | <b>112</b> |
| <b>5.7</b>         | <b>Penutup</b>                  | <b>114</b> |
| <b>BIBLIOGRAFI</b> |                                 | <b>115</b> |

## **LAMPIRAN**

|                    |  |            |
|--------------------|--|------------|
| <b>Lampiran A</b>  | <b>Surat Pengesahan Status Pelajar</b>         | <b>125</b> |
| <b>Lampiran B:</b> | <b>Surat Kebenaran Menjalankan Kajian</b>      | <b>126</b> |
| <b>Lampiran C:</b> | <b>Protokol Pemerhatian dan Temubual</b>       | <b>127</b> |
| <b>Lampiran D:</b> | <b>Transkripsi Pemerhatian</b>                 | <b>128</b> |
| <b>Lampiran E:</b> | <b>Transkripsi Temubual</b>                    | <b>132</b> |
| <b>Lampiran F:</b> | <b>Rekod Rancangan Mengajar Harian</b>         | <b>139</b> |
| <b>Lampiran G:</b> | <b>Borang Soal Selidik</b>                     | <b>141</b> |
| <b>Lampiran H:</b> | <b>Senarai Penyemak Instrumen Soal Selidik</b> | <b>147</b> |
| <b>Lampiran I:</b> | <b>Output Analisis Data SPSS</b>               | <b>148</b> |

## **SENARAI RAJAH**

### **MUKA SURAT**

|           |   |  |     |
|-----------|---|--|-----|
| Rajah 1.1 | : | Kerangka Konsep Kajian                                     | 11  |
| Rajah 2.1 | : | Proses terjemahan Persepsi                                 | 33  |
| Rajah 2.2 | : | Gelung Kajian Kajian Tindakan<br>Kemmis & McTaggart (1988) | 34  |
| Rajah 2.3 | : | Model <i>ADDIE</i>   | 36  |
| Rajah 3.1 | : | Pelaksanaan Reka bentuk Kajian<br>Penerokaan Berturutan    | 48  |
| Rajah 5.1 | : | Pelaksanaan Refleksi Terhadap Cadangan Kajian              | 110 |

## **SENARAI JADUAL**

## **MUKA SURAT**

|            |   |  |    |
|------------|---|--|----|
| Jadual 2.1 | : | Empat Peringkat Perkembangan Kognitif Piaget   | 30 |
| Jadual 3.1 | : | Bilangan Populasi Guru-Guru Pendidikan Islam<br>dan J-QAF Sekolah Rendah di Daerah Penampang                       | 51 |
| Jadual 3.2 | : | Kandungan Soal Selidik   | 56 |
| Jadual 3.3 | : | Kaedah Pengumpulan Data Berdasarkan<br>Persoalan Kajian  | 57 |
| Jadual 3.4 | : | Keputusan Nilai Alpha Cronbach Kajian Rintis   | 60 |
| Jadual 3.5 | : | Jadual Prosedur Kajian   | 61 |
| Jadual 3.6 | : | Skor Min Berdasarkan Interpretasi Responden  | 63 |
| Jadual 3.7 | : | Penggunaan Statistik Dalam Ujian Hipotesis   | 63 |
| Jadual 4.1 | : | Persepsi Informan Terhadap Reka Bentuk,<br>Isi Kandungan dan Kesesuaian Penggunaan<br>MTPI Semasa Program Transisi | 74 |
| Jadual 4.2 | : | Taburan Pengagihan Soal Selidik  | 79 |
| Jadual 4.3 | : | Jadual Nilai Skewness dan Kurtosis Berdasarkan<br>Pembolehubah Kajian  | 80 |
| Jadual 4.4 | : | Jadual keputusan nilai Alpha Cronbach<br>Kajian Rintis dan Kajian Sebenar  | 81 |

|             |   |  |    |
|-------------|---|--|----|
| Jadual 4.5  | : | Taburan Responden Berdasarkan Sekolah  | 83 |
| Jadual 4.6  | : | Skor Min Berdasarkan Pembolehubah      | 84 |
| Jadual 4.7  | : | Persepsi Responden Terhadap            |    |
|             |   | Reka Bentuk MTPI                       | 85 |
| Jadual 4.8  | : | Persepsi Responden Terhadap            |    |
|             |   | Isi Kandungan MTPI                     | 87 |
| Jadual 4.9  | : | Persepsi Responden Terhadap Kesesuaian |    |
|             |   | Penggunaan MTPI                        | 89 |
| Jadual 4.10 | : | Hubungan antara Aspek Reka Bentuk      |    |
|             |   | dengan Kesesuaian Penggunaan           | 90 |
| Jadual 4.11 | : | Hubungan antara Aspek Isi Kandungan    |    |
|             |   | dengan Kesesuaian Penggunaan           | 91 |
| Jadual 4.12 | : | Rumusan Pengujian Hipotesis            | 92 |
| Jadual 5.1  | : | Perkaitan Dapatan Kajian berdasarkan   |    |
|             |   | Soalan Kajian                          | 97 |

## **SINGKATAN**

|       |   |
|-------|---|
| MTPI  | - Modul Transisi Pendidikan Islam       |
| j-QAF | - j-Jawi, Q-Quran, A-Arab, F-Fardhu Ain |
| KSSR  | - Kurikulum Standard Sekolah Rendah     |
| P&P   | - Pengajaran dan Pembelajaran           |
| ABM   | - Alat Bantu Mengajar                   |

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 PENGENALAN

Guru berprestasi tinggi merupakan tuntutan kepada daya saing dalam profesi keguruan di Malaysia pada masa hadapan. Dalam *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025* yang telah dibentangkan oleh Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 11 September 2012 yang lalu antara lain memperlihatkan hasrat Kementerian Pelajaran meningkatkan peratusan aktiviti pembangunan profesionalisme berdasarkan sekolah. Fokus baru dalam pembangunan professional dalam dunia pendidikan pada masa kini adalah melalui pelaksanaan kajian tindakan sebagai suatu yang mesti dilaksanakan oleh guru dengan menilai amalan sendiri ke arah peningkatan dan pembangunan kendiri (Tina, 2005; Gould, 2008; Tan, 2010 dan West, 2011).

Salah satu perkara yang ditekankan dalam kajian tindakan adalah usaha yang dilakukan untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran. Ini penting agar guru dapat mengurai situasi sosial di sekolah seterusnya memperbaiki kualiti amalan guru mengajar dan murid belajar di bilik darjah. Pembinaan Alat Bantu Mengajar yang bersesuaian misalnya dapat membantu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelbagai bentuk alat bantu mengajar telah dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam dan j-QAF melalui kajian tindakan bagi membantu pelajar menguasai pelajaran Pendidikan Islam antaranya Jadual Jawi Mudah (Aliana *et. al.*, 2012), Nyanyian Melodi Ria untuk mengingat nama 10 malaikat (Mohd Izzudin, 2011) dan CD Interaktif Al Hijaiyyah (Musaddiqatul, 2011).

Dalam proses P&P, guru boleh memilih pelbagai jenis kaedah dan pendekatan yang sesuai kerana tiada satu kaedah pun yang dikatakan terbaik atau lebih sesuai untuk sesuatu mata pelajaran sahaja juga tiada kaedah yang sesuai untuk semua guru dalam semua keadaan dan suasana (Ab. Halim *et. al.*, 2010) Penggunaan modul merupakan salah satu kaedah yang dapat membantu murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sesebuah modul mengandungi komponen yang tersusun yang dilengkapi bahan berkaitan untuk mencapai tujuan tertentu. Pembinaan modul memerlukan penelitian daripada guru terhadap kesesuaian penggunaan kepada pelajar dan keberkesanan mencapai objektif semasa proses pelaksanaannya.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Bermula pada tahun 2011, kementerian melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah menyenaraikan Pendidikan Islam sebagai salah satu mata pelajaran teras di samping Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Moral (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Pendidikan Islam sekolah rendah menekankan kepada tujuh modul utama dalam mendidik murid-murid Islam di sekolah iaitu modul al-Quran, hadis, akidah, ibadah, sirah, adab dan modul jawi. Walaubagaimanapun, modul-modul ini hanya sesuai dilaksanakan selepas Program Transisi dilaksanakan.

Fabian dan Dunlop (2006) berpendapat permulaan ke sekolah rendah merupakan salah satu transisi yang penting dan cabaran utama dalam kehidupan awal kanak-kanak. Program Transisi Tahun Satu yang dilaksanakan saban tahun bertujuan membantu murid menghadapi perubahan daripada pendidikan tidak formal di rumah atau prasekolah kepada pendidikan lebih formal di tahun satu sekolah rendah. Pihak yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Program Transisi adalah pihak Pengurusan Sekolah, Guru Prasekolah, Guru Tahun Satu dan Ibu Bapa murid Tahun Satu. (Kit Program Transisi, Pusat Perkembangan Kurikulum, 2001).

Sebagai guru tahun satu, persediaan utama yang perlu dilakukan adalah mengenal pasti potensi murid melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang serta membuat penilaian berterusan di sepanjang Program Transisi dijalankan. Ini penting bagi memastikan permasalahan awal pembelajaran dapat dikenal pasti diperingkal awal dan tindakan susulan dapat dilaksanakan. Aktiviti penulisan pengenalan huruf asas semasa transisi amat sesuai dilaksanakan sebagai latihan pra tulisan dan sebagai persediaan menghadapi pembelajaran sebenar. Justeru, aktiviti penulisan yang tersusun dan mengikut sukanan dokumen standard kurikulum diperlukan bagi memudahkan guru membuat penilaian dan pendokumentasian hasil kerja murid.

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Berdasarkan pengalaman pengkaji dan rakan-rakan yang mengajar Pendidikan Islam tahun satu, sehingga kini belum terdapat modul latihan khas yang boleh digunakan oleh murid semasa Program Transisi Tahun Satu. Berbeza dengan mata pelajaran lain seperti Bahasa Arab yang mempunyai modul Transisi sebagai latihan menulis dan mewarna murid tahun satu (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011)

Memandangkan masih belum terdapat modul khusus bagi Pendidikan Islam Tahun Satu, sekumpulan guru di sebuah sekolah rendah di daerah Penampang telah membina sebuah modul bagi mengatasi masalah berikut:

- i. Ketiadaan modul khusus transisi.
- ii. Masalah penyediaan bahan penulisan sepanjang minggu transisi.
- iii. Ketiadaan kaedah yang selaras dalam penentuan murid pemulihian.
- iv. Kekurangan Iqra' untuk digunakan semasa P&P di kelas dan semasa Tasmik.
- v. Rekod pembacaan Iqra' di dalam kelas dan Tasmik.

Dengan terhasilnya modul ini membantu mengurangkan beberapa masalah yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dan murid tahun satu.

## **1.4 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah:

### **1.4.1 Objektif Kajian Kualitatif**

- i. Mengetahui kaedah penggunaan Modul Transisi Pendidikan Islam (MTPI) dalam pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Mengenal pasti kesan penggunaan MTPI terhadap pengajaran dan pembelajaran.
- iii. Mengetahui penilaian guru terhadap kesesuaian penggunaan MTPI.
- iv. Mengetahui penilaian guru terhadap ciri-ciri modul dari aspek reka bentuk dan isi kandungan MTPI.

### **1.4.2 Objektif Kajian Kuantitatif**

- i. Mengenal pasti hubungan antara persepsi guru terhadap reka bentuk MTPI dengan kesesuaian penggunaan untuk Program Transisi Tahun Satu.
- ii. Mengenal pasti hubungan antara persepsi guru terhadap isi kandungan MTPI dengan kesesuaian penggunaan untuk Program Transisi Tahun Satu.

## **1.6 HIPOTESIS KAJIAN (KUANTITATIF)**

Hipotesis merupakan asas kepada pengkajian saintifik iaitu pernyataan ramalan pengkaji tentang hasil kajian (Mohd Najib, 1999). Berikut adalah hipotesis nul yang cuba dibuktikan melalui penganalisaan data dalam kajian;

$H_0^1$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap reka bentuk MTPI dengan kesesuaian penggunaan untuk Program Transisi Tahun Satu.

$H_0^2$  : Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap isi kandungan MTPI dengan kesesuaian penggunaan untuk Program Transisi Tahun Satu.

## **1.7 LIMITASI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah di daerah Penampang. Fokus kajian ini adalah terhadap penggunaan MTPI dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran semasa Program Transisi. Hasil kajian tidak boleh menerangkan keadaan sebenar yang berlaku di sekolah lain.

Kajian ini dibataskan kepada seorang informan yang dipilih secara bertujuan merupakan seorang guru yang terlibat dalam penggunaan MTPI. Memandangkan informan adalah seorang guru di sebuah sekolah rendah dalam daerah Penampang yang juga merupakan tempat pengkaji bertugas, maka adalah sukar untuk mengelakkan bias dan pengaruh yang mungkin diperolehi daripada dapatan kajian. Justeru, kajian ini adalah terbuka kepada penelitian luar dengan menggunakan soal selidik bagi mendapatkan persepsi guru Pendidikan Islam dalam Daerah Penampang terhadap reka bentuk, isi kandungan dan kesesuaian modul. Dapatan kajian soal selidik adalah bergantung kepada kejujuran dan pengetahuan sedia ada responden memberi respon terhadap pernyataan-pernyataan yang dikemukakan dalam soal selidik.

Kaedah pemerhatian tanpa penyertaan membataskan penyelidik untuk berinteraksi secara langsung dengan pelajar dan guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, dapatan kajian semasa pemerhatian adalah bergantung kepada tingkah laku dan suasana yang berlaku semasa rakaman dibuat.

## BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Tamuri *et. al*. 2010. Kaedah Pengajaran Pendidikan Islam: Konvensional dan Inovasi. *Dalam Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (eds). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia., hlm. 38-70.
- Abdul Rahim Mohd Saad. 1996. *Mereka Bentuk Teks Pengajaran Secara Efisien dan Efektif.* Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Abdullah Sani Yahaya. 2009. *Mengurus Sekolah.* Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Akmariah Mamat dan Sofiah Ismail. 2010. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pemulihian Jawi di Malaysia. *Proceeding of the 4<sup>th</sup> International Conference of Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI.* Diadakan pada 8-10 November di Bandung, Indonesia.
- Aliana, Jusoh dan Mohd So'od. 2012. Jadual Jawi Mudah. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP 2012.* Diadakan pada 25 – 27 September di TELTraC, Kuala Terengganu. Vol. 3 (2) p.p 1-7.
- Ary, D., Jacobs, L. C. and Razavieh, A. 2002. *Introduction to Research in Education.* (6<sup>th</sup> Edition). California: Wadsworth/Thomson Learning.
- Asmawati Suhid, Lukman Abdul Mutalib, Kamariah Abu Bakar dan Muhd. Fauzi Muhammad. 2011. Pelaksanaan Model j-QAF di Sekolah: Satu Tinjauan Umum. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA.* Diadakan pada 27 – 28 September, Anjuran Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia: pp 862-873.

Asrol Hasan. 2010. *Fun Iqra' – Alat Bantu Mengajar Baru di Dalam Pembelajaran Asas*

Al-Quran untuk Kanak-Kanak Prasekolah. *Pembentangan Kertas Kerja Seminar Dekan-dekan IPTA 2010*. Diadakan pada 2-3 Ogos di Concorde Hotel Shah Alam.

Bhasah Abu Bakar. 2007. *Kaedah Analisis Data Penyelidikan Ilmiah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Bukatko, D. 2008. *Child and Adolescent Development: A Chronological Approach*. Boston: Houghton Mifflin Company.

*Buku Manual Kajian Tindakan*. Edisi Ketiga. 2008. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Kementerian Pelajaran Malaysia. Putrajaya.

Butcher, C., Davies, C. and Highton, M. 2006. *Designing Learning from Module to Effective Teaching*. London: Routledge Taylor & Francis Group.

Carida, H.C. 2011. Planning and implementing an educational programme for the smooth transition from kindergarten to primary school: the Greek Project in all-day kindergartens. *The Curriculum Journal*. Vol. 22 (1) p.p. 77-92.

Chow, F. M. dan Jaizah Mahamud. 2011. *Kajian Tindakan: Konsep dan Amalan dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Chua Y. P. 2011. *Kaedah Penyelidikan*. (Edisi Kedua). Malaysia: Mc Graw-Hill Education.

Chua, Y. P. 2012. *Asas Statistik Penyelidikan*. (Edisi Kedua). Malaysia: Mc Graw-Hill Education.

Creswell, J. W. 2012. *Educational Research; Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. (4<sup>th</sup> Edition). Boston: Pearson Education Inc.

- Curtis, A. and O'Hagan, M. 2009. *Care and Education in Early Childhood: A Student's Guide to Theory and Practice*. New York: Routledge Taylor and Francis Group.
- Doherty, J. and Hughes, M. 2009. *Child Development Theory and Practice 0-11*. England: Pearson Education Limited.
- Donnelly, R. and Fitsmaurice, M. 2005. *Designing Moduls for Learning*. <http://wwwaishe.org/readings/2005-1/>. Diakses pada 10 Oktober 2012.
- Ellington, H. and Baharuddin Aris. 2000. *A Practical Guide to Instructional Design*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ellington, H. and Race, P. 1994. *Producing Teaching Materials*. London: Kogan Page Ltd.
- Fabian, H. and Dunlop, A.W., 2006. *Outcomes of Good Practice in Transition Process for Children Entering Primary School*. Paper Commissioned for the EFA Global Monitoring Report 2007, Strong foundation: Early Childhood Care and Education. UNESCO.
- Falsafah Pendidikan Islam* dlm. <http://www.bpi.edu.my>. Diakses pada 5 September 2012.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah dan Lukman Abd. Mutalib. 2011. Profesionalisme Guru-guru Pendidikan Islam dalam Melahirkan Modal Insan Berkualiti dan Seimbang. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA*. Diadakan pada 27 – 28 September, Anjuran Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia: pp 628-645.
- Fraenkel, J. R., Wallen. N. E., and Hyun, H. H. 2012. *How to Design and Evaluate Research in Education*. 8<sup>th</sup> Edition. New York: Mc Graw-Hill Higher Education.
- Galton, M. 1996. Teaching, Learning and the Co-ordinator. in O'Neill, J. and Kitson, N. (ed.) *Effective Curriculum Management*. pp 11-19. London: Routledge.

Ghazali Darusalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Giallo, R., Treyvaud, K., Matthews, J. and Kienhuis, M. 2010. Making Transition to Primary School: An Evaluation of a Transition Program for Parents. *Australian Journal of Educational & Developmental Psychology*. Vol. 10 p.p. 1-17.

Gould, M. A. 2008. Teacher as Researcher: A Paradigm for Professional Development. *Kappa Delta Pi Record*. 45 (1): pp 5-7

Hair, J. F., Anderson, R. E., Tatham, R. L. and Black, W. C. 1998. Multivariate Data Analysis. 5<sup>th</sup> Edition. New Jersey: Prentice Hall Inc.

Hancock, D. R. and Algozzine, B. 2006. *Doing Case Study Research*. New York: Teacher College Press.

Hasan Langgulung. 1991. *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Heath, C., Hindmarsh, J. and Luff, P. 2010. *Video in Qualitative Research*. London: SAGE Publications Ltd.

*Instructional Design Models* : Model ADDIE dlm <http://www.instructionaldesign.org>. Diakses pada 10 Oktober 2012.

Kail, R.V. 2012. *Child and Their Development*. USA: Pearson Education Inc.

Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011a. Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bnadar dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Teknologi*. 56 (1) : pp 179-198.

Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faeez Ilias, Ab. Halim Tamuri dan Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011b. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3 (1) : pp 59-74.

*Kamus Dewan*. 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khadijah Alavi, Rahim M. Sail, Lukman Abdul Mutalib, Anwar Ahmad, Shamsul Shah Trajo dan Nor Ellina Abdul Razak. 2012. Kecerdasan Sosial dan Emosi Guru Cemerlang Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Prestasi Pelajar. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 7 (1): pp 94-104.

*Kit Program Transisi*. Pusat Perkembangan Kurikulum. 2001. (Edisi Kedua). Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kong, A. Chong, Y. F., Liaw, C. C., Viviantian Bia, Ong, L. I. dan Na'imah Yusoff. 2008. Teori kognitif dan implikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Dalam Mohd yusof Abdullah et. al. (eds.) Pengetahuan Pedagogi Guru*. Sabah: University Malaysia Sabah., hlm. 108-109.

*Kurikulum Standard Sekolah Rendah* dlm. <http://www.kssr.bpk.my>. Diakses pada 5 September 2012.

*Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Pendidikan Islam*. 2011. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

*Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. 2012. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Lay, Y. F. dan Khoo, C. H. 2008. *Pengenalan kepada Analisis Statistik dalam Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.

Lim, C. Y., Mohd. Hanafi Mohd Yasin dan Mohd. Mokhtar Tahar. 2012. Genggaman Pensel Kanak-kanak Bermasalah dalam Pembelajaran dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 2 (1): pp 65-77.

- Lodico, M. G., Spaulding, D. T. and Voegtle, K. H. 2010. *Methods in Educational Research*. California: John Wiley & Sons Inc.
- Ma'ruf Redzuan dan Haslinda Abdullah. 2004. *Psikologi*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Margetts, K. 1999. Transition To School: Looking Forward. *Australian Early Childhood Association National Conference Darwin*. Julai 14-17: pp 1-12
- McKernan, J. 1996. *Curriculum Action Research*. London: Kogen Page Ltd.
- McNiff, J. and Whitehead, J. 2011. *All You Need to Know About Action Research*. London: Sage Publications Ltd.
- Milton Mayfield. 2011. Creating training and development programs: using the ADDIE method. *Development and Learning in Organizations*. Vol. 25 (3) : pp 19 – 22
- Modul Latihan Guru Tahun Satu*. 2002. Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Alwi Yusoff, Adel M Abdulaziz dan Ahmad Kamel Mohamed. 2003. Keberkesanan Iqra' sebagai Kaedah Pembelajaran Al-Quran. *Seminar Institut Perguruan Batu Lintang*. Kuching, Sarawak: pp 1-11.
- Mohd Faisal Mohd, Zawawi Ismail dan Rahimi Md Saad. 2008. Celik al-Quran: Cabaran dan Realiti dalam pendidikan Islam di Sekolah. *Masalah Pendidikan*. 31 (1): pp 241-253
- Mohd Izzudin. 2011. *Keberkesanan Nyanyian Melodi Ria untuk Meningkatkan Kemahiran Menginat Nama 10 Malaikat bagi Murid Tahun 2 Delima SK Kampung Gemuruh*. Kajian Tindakan. Institut Pendidikan Guru, Kampus Dato' Razali Ismail. Kuala Terengganu.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd Majid Konting. 2000. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Salman Ismail dan Norkartina Tawang. 2010. *Keberkesanan Latih Tubi dalam Memperbetulkan Sifat Huruf Ra' di Kalangan Murid Tahun 3 Pintar SK Duyong*. Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan PPSMI Ambilan 2007 Pengkhususan Pendidikan Islam. Institut Pendidikan Guru, Kampus Dato' Razali Ismail. Kuala Terengganu.
- Mohd Yusri Ibrahim. 2010. *Bimbingan Cepat Analisis Data Penyelidikan Untuk Pendidikan dan Sains Sosial*. Pahang: Bandar Ilmu.
- Morrison, G. S. 2009. *Early Childhood Education Today*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Musaddiqatul Husna. 2011. *Penggunaan CD Interaktif al-Hijaiyy dalam Sebutan Huruf Hijaiyyah Tunggal Berbaris Atas Bagi Meningkatkan Pencapaian Murid Tahun Satu*. Desertasi Sarjana Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.
- Nieveen, N. 1999. Prototyping to Reach Product Quality in Akker, J. V. D. et al. (eds.) *Design Approaches and Tools in Education and Training*. pp 125-135. Dordrecht: Kluwer Academic Publisher.
- Nik Rosila Nik Yaakob. 2007. Penguasaan Jawi dan Hubungannya dengan Minat dan Pencapaian Pelajar dalam Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 22: pp 161-172
- Noel, A. 2011. Easing the transition to school: Administrators descriptions of transitioan to school activities. *Australasian Journal of Early Childhood*. Vol. 36 (4) p.p. 44-52.
- Noor Hisham Md Nawi. 2011. *Konsepsualisasi Semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc-Graw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Norasikin Fabil, Zawawi Ismail, Zarina Shukur, Siti Fadzillah Mat Noor dan Khairuddin Omar. 2005. Aplikasi Pendekatan Talqqi dan Musyafahah dalam Pembangunan Perisian Multimedia Tajwid. *AL-BAYAN Journal of Al-Quran & Al-Hadith*. Vol. 3 p.p. 83-108.
- Noriati A. Rashid, Boon, P. Y. dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. 2012. *Murid dan Alam Belajar*. (Edisi Kemas Kini). Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Othman Lebar. 2006. *Penyelidikan Kualitatif; Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Parkay, F. W., Hass, G. J. and Anctil, E. J. 2010. *Curriculum Leadership: Readings for Developing Quality Educational Programs*. Boston: Pearson Education, Inc.
- Rahmad Sukor Ab. Samad. 2007. Educational Management in the Context of Quality Management: Managing Change for Improving Learning Community. *Masalah Pendidikan*. 30 (2): pp 93 – 106.
- Rasid Mail dan Raman Noordin. 2012. *Penyelidikan Peringkat Sarjana: Pendekatan Kualitatif sebagai Alternatif*. Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Robinson, J. W. and Crittenden, W. B. 1972. Learning Modules: A Concept for Extention Educators. *Journal of Extension*. p.p. 35-44
- Rubin, H. J. and Rubin, I. S. 2012. *Qualitative Interviewing: The Art of Hearing Data*. California: SAGE Publications Inc.
- Schmuck, R. A. 1997. *Practical Action Research for Change*. Illinois: IRI/SkyLight Training and Publishing, Inc.
- Sekuler, R. and Blake, R. 1994. *Perception*. (3<sup>rd</sup> Edition). Singapore: McGraw-Hill, Inc.

- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub dan Mohd Zohir Ahmad. 2003. *Pedagogi Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Shukri Zain. 2011. *Penyeliaan Pendidikan: Teori dan Amalan*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Sidek Mohd Noah. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Silverman, D. 2001. *Interpreting Qualitative Data Methods for Abalysing Talk, Text and Interaction*. London: SAGE Publications Ltd.
- Stake, R.E. 1995. *The Art of Case Study Reserch*. Carlifonia: SAGE Publication Inc.
- Stringer, E. 2008. *Action Research in Education*. New Jaersy: Pearson Education Inc.
- Tan, C. 2010. Teacher as Researcher and the Importance Towards Malaysia's Education Prospect. *SEGi Review*. 3 (2): pp 52-57.
- Teddlie, C. and Tashakkori, A. 2009. *Foundations of Mixed Methods Research*. 2009. Carlifonia: SAGE Publications Inc.
- Tina Lim, S. K. 2005. Teacher Professional Development Through Action Research: The Case For A Mathematics Teacher. *International Conference on Science and Mathematics Education*. 5-8 Disember. SEAMEO RECSAM.
- Walker, S., Dunbar, S., Meldrum, K., Whiteford, C., Carrington, S. Hand, K., Berthelsen, D. and Nicholson, J. 2012. The Transition to School of Children with Developmental Disabilities: views of parents and teachers. *Australasian Journal of Early Childhood*. Vol. 37 (3) p.p. 22-29.
- West, C. 2011. Action Research as a Professional Development Activity. *Arts Education Policy Review*. 112: pp 89-94

- Woolfolk, A. 2010. *Educational Psychology*. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Zahar Rashid. 2011. *Penilaian Program j-QAF Daerah Kota Kinabalu*. Disertasi Sarjana Pengurusan Pendidikan. Universiti Malaysia Sabah.
- Zainuddin Arif dan W.P Napitulu. 1997. *Pedoman Baru Menyusun Bahan Belajar*. Jakarta; Penerbit PT Gramedia Widiasarana. Ter. New Guidebook for Development and Production of Literacy Material.
- Zainuriyah Abdul Khatab. 2013. *Pentaksiran Berasaskan Sekolah: Konsep dan Panduan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.